

21 MAR 1997

#### AMARAN KERAJAAN TENTANG MOU YANG TIDAK DITEPATI KENA PADA MASANYA

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Amaran kerajaan dan langkah yang akan diambil selepas pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) yang tidak ditetapi oleh banyak syarikat Malaysia dianggap kena pada masanya, penganalisis berkata hari ini.

Sambil menyifatkan perkara itu sebagai serius, kerajaan mengetatkan peraturan berhubung MoU dan menasihati bakal-bakal pelabur asing supaya lebih berhati-hati.

Pelabur asing juga dinasihati supaya memeriksa kesahihan syarikat Malaysia, dan syarikat tempatan pula kini mesti mendaftarkan syarikat atau hasrat mereka dengan kedutaan Malaysia di luar negara, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Seorang penganalisis dari firma pembrokeran saham tempatan berkata langkah itu adalah usaha pihak berkuasa memaksa firma-firma tempatan supaya bersikap lebih serius terhadap MoU dan tidak menyifatkannya sebagai "hanya sehelai kertas."

Setakat ini, daripada sejumlah 363 MoU yang dimeterai dengan pihak asing, hanya 186 telah dilaksanakan.

Kerajaan memandang serius perkara ini, dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ia telah memberi Malaysia imej yang buruk di luar negara.

Syarikat Malaysia yang tidak menepati MoU mereka dikatakan mempunyai matlamat yang lain sekadar mengaut keuntungan segera.

Sejak akhir-akhir ini, sebilangan syarikat Malaysia telah membatalkan atau tidak membuat tindakan susulan terhadap MoU mereka.

Sesetengahnya telah membuat pengumuman tentang cadangan projek dengan begitu gah tetapi cadangan itu mati begitu sahaja.

Saham-saham syarikat seumpama itu, yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, mengaut keuntungan besar apabila para pelabur bertindak positif berikutan pengumuman yang digembar gemburkan itu.

Menteri perdagangan antarabangsa dan industri Datuk Seri Rafidah Aziz baru-baru ini berkata: "Bagi saya, bila anda berhasrat menandatangani dengan pihak lain, tolonglah bersikap serius dan mempunyai tanggungjawab terhadap projek terbabit... bukan hanya menandatangani sehelai kertas dan lupakannya begitu sahaja."

Rafidah memberi amaran bahawa kerajaan akan menyenarai hitamkan mereka yang sering berbuat demikian dan mengharamkan mereka daripada majlis promosi anjuran kerajaan. Beliau merujuk kepada rombongan dagangan yang diketuai oleh perdana menteri.

Sejak beberapa bulan kebelakangan, sebuah kumpulan tempatan sering mengumumkan beberapa siri urus niaga, tetapi membatalkannya kemudian.

Yang anehnya, pengumuman pembatalan itu sering disertai dengan pengumuman urus niaga yang baru.

Misalnya, Oktober lalu, kumpulan itu telah menyatakan ia berhasrat bekerja sama dengan firma di Australia. Ia juga menyatakan hasratnya untuk menubuhkan firma arkitek tentera laut untuk mereka bentuk bot rondaan untuk jabatan kastam dan jabatan polis Malaysia.

Pada Januari, ia mengumumkan bahawa syarikat itu telah membatalkan MoU dengan pihak vendor kerana sesetengah syaratnya tidak ditepati. Pengumuman ringkas itu tidak begitu penting kepada pengumuman awal tentang cadangan pemilikan yang lain.

Kumpulan yang sama itu juga pada suku akhir tahun lalu telah mengumumkan hasratnya untuk memilik 69 peratus ekuiti di dalam taman tema dan syarikat pembangunan harta di kawasan peranginan.

Tiga bulan kemudian, syarikat itu menyatakan ia mengadakan rundingan untuk membatalkan cadangan itu bersama-sama dengan beberapa cadangan untuk memiliki hotel-hotel di Melaka dan Pulau Pinang, dan hartanah di Selangor dan Negeri Sembilan.

Sebuah lagi firma tempatan menyatakan pada Mac lepas bahawa ia akan menandatangani MoU dengan sebuah firma Eropah untuk mengeluarkan skuter. Setakat ini, ia belum lagi menjadi kenyataan.

Ada lagi sebuah firma yang mengumumkan rancangan raksasa membabitkan pembangunan harta dan pusat peranginan di Kemboja dua tahun lalu, tetapi belum lagi menarik rakan kongsi dan memulakan projek itu.

Beberapa tahun lalu, sebuah firma tempatan menyatakan ia berminat dalam projek pelabuhan raksasa di Iran. Itu juga tidak terlaksana.

Sesetengah penganalisis berkata, ketika kerajaan sedang menggalakkan syarikat Malaysia supaya bersikap berani dalam menerokai projek di sebarang laut dan menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan, tetapi tidak menepati MoU telah meninggalkan nama buruk kepada negara.

Seorang penganalisis berkata firma tempatan harus lebih berhati-hati dengan pengumuman pemberitahuan korporat mereka. -- BERNAMA

SHY MA/sia